

05/05/1997

Pas tidak perlukan orang tengah

KOTA BHARU, Ahad - Pas berpendapat tidak perlu wujud campur tangan `orang tengah' bagi menyelesaikan pergeseran politik mereka dengan Umno, kata Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Menurutnya, perkara itu hanya akan dapat diselesaikan oleh rakyat sendiri yang mengamalkan ideologi parti politik masing-masing.

"Pas tidak memerlukan mana-mana pihak sebagai `orang tengah' dalam menyelesaikan pergeseran politik dengan Umno. Hanya rakyat boleh bertindak sebagai `orang tengah'," katanya selepas menyaksikan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pemindahan perhentian bas dan teksi di pejabatnya, di Kota Darunaim, di sini, pagi ini.

Beliau yang juga Mursyidul Am Pas berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Abim, Prof Madya Dr Muhammad Nur Manuty, bahawa pertubuhan itu sedia bertindak sebagai `orang tengah' bagi merapatkan hubungan baik di antara Umno dan Pas, terutama dalam mengurangkan pergeseran politik yang boleh merugikan umat Islam.

Dalam kenyataannya selepas merasmikan Muktamar Sanawi Abim Kelantan ke-24, di sini Jumaat lalu, Dr Muhammad Nur berkata pertubuhan itu bersedia pada bila-bila masa untuk memberi sumbangan positif bagi merapatkan hubungan kedua-dua belah pihak.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat bersikap pragmatik dan sedia bekerjasama dengan kerajaan Pas Kelantan jika ia mendatangkan faedah kepada rakyat di negeri itu.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau lebih suka jika pergeseran politik di antara penyokong kedua-dua parti itu dapat diselesaikan melalui kesedaran rakyat sendiri.

Beliau tidak nampak masalah perpecahan akibat pergeseran politik yang berbeza dapat diselesaikan dengan cara mudah tanpa kesedaran rakyat sendiri.

"Sehubungan itu, Pas setakat ini tidak memerlukan `orang tengah' untuk menyelesaikan pergolakan politik, terutama dengan Umno," katanya.

Beliau menyifatkan pergeseran politik yang berlaku antara penyokong kedua-dua parti itu sebagai perselisihan faham antara suami isteri yang tidak dapat dielakkan.

Sebelum ini, beliau pernah mengajak Umno mengadakan muzakarah bagi penyelesaian masalah perpecahan di kalangan umat Islam, berikutan perbezaan ideologi politik.

(END)